



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN
MAHAJAN AL-QURAN NASYID DAN KHAT
SEKOLAH-SEKOLAH (MQNKSS)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
TAHUN 2026**

Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan

PERATURAN UMUM PERTANDINGAN

1. Garis panduan ini diedarkan kepada semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah sebagai rujukan pelaksanaan aktiviti adab dan nilai yang berbentuk pertandingan bagi tahun 2026.
2. Penyertaan peserta adalah berdasarkan syarat berikut:
 - a. Murid warganegara Malaysia beragama Islam sekolah KPM.
 - b. Murid berdaftar pada sesi persekolahan tahun semasa.
 - c. Seorang peserta layak menyertai satu acara sahaja.
 - d. Setiap peserta hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga.
3. Senarai acara Mahrajan al-Quran, Nasyid dan Khat Sekolah-Sekolah (MQNKSS) Kementerian Pendidikan Peringkat Kebangsaan:

BIL	ACARA	KATEGORI	
1	Tilawah al-Quran	Sekolah Rendah	Lelaki
2			Perempuan
3		Sekolah Menengah	Lelaki
4			Perempuan
5	Hafazan al-Quran	Sekolah Rendah	Lelaki
6			Perempuan
7		Sekolah Menengah	Lelaki
8			Perempuan
9	Tahfiz al-Quran (Juzuk 1 – 30)	Sekolah Menengah	Lelaki
10			Perempuan
11	Nasyid	Sekolah Rendah	Terbuka
12		Sekolah Menengah	Terbuka
13	Khat	Sekolah Rendah	Lelaki
14			Perempuan
15		Sekolah Menengah	Lelaki
16			Perempuan

4. Panduan penyertaan bagi setiap kategori adalah seperti berikut :

BIL	KATEGORI	KELAS
1	Sekolah Rendah	Tahun 1 hingga Tahun 6
2	Sekolah Menengah	Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5

5. Pakaian peserta mestilah **menutup aurat dengan sempurna dan sopan**;
- 5.1 Peserta lelaki perlu memakai baju melayu cekak musang, berkain samping, bersongkok hitam dan berkasut sekolah berwarna hitam; dan
- 5.2 Peserta perempuan perlu memakai baju kurung berpesak, bertudung dan berkasut sekolah berwarna hitam.
6. Pertandingan ini bermula di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Tarikh pelaksanaan peringkat sekolah, daerah dan negeri adalah mengikut ketetapan JPN masing-masing.
7. Borang pendaftaran peserta bagi semua acara MQNKSS KPM Peringkat Kebangsaan perlu dihantar kepada urus setia selewat-lewatnya **14 hari sebelum pelaksanaan**.
8. Tema Mahrajan al-Quran, Nasyid dan Khat Sekolah-Sekolah (MQNKSS) ialah **“ADAB DAN NILAI NADI REFORMASI PENDIDIKAN”**.

1.0 TILAWAH AL-QURAN

1.1 PENGENALAN

1.1.1 Acara ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan murid menguasai al-Quran dalam bidang tajwid, fasahah dan taranum.

1.2 BILANGAN PESERTA

1.2.1 Bilangan peserta Tilawah al-Quran dihadkan bagi setiap kontinjen negeri adalah seperti berikut:

a. Sekolah rendah:

- Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan.
- Dibenarkan membawa seorang peserta simpanan kategori perempuan.

b. Sekolah menengah:

- Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan.
- Dibenarkan membawa seorang peserta simpanan kategori perempuan.

1.2.2 Jumlah semua peserta bagi setiap kontinjen negeri bagi acara Tilawah al-Quran ialah maksima enam (6) orang.

1.2.3 Sekiranya berlaku pertukaran bagi peserta perempuan, ketua kontinjen bertanggungjawab memaklumkan kepada pengurus peserta acara sebelum pertandingan bermula.

1.3 PENGUNDIAN

1.3.1 Undian giliran peserta dan ayat tilawah akan dilaksanakan dalam tempoh satu minggu sebelum hari pertandingan.

1.3.2 Cabutan undian hendaklah dilakukan oleh ketua kontinjen atau wakilnya.

1.3.3 Sekiranya ketua kontinjen atau wakilnya tidak hadir pada masa yang ditetapkan, pengundian giliran akan dilakukan oleh urus setia pertandingan.

1.3.4 Hanya nombor permulaan ayat dinyatakan semasa pengundian.

1.3.5 Peserta perlu membaca ayat undiannya sahaja. Jika peserta membaca selain daripada ayat undian, penyertaannya dibatalkan.

1.4 TEMPOH BACAAN

- 1.4.1 Setiap peserta diberikan masa selama lapan (8) minit.
- 1.4.2 Bacaan yang melebihi tempoh lapan (8) minit tidak akan diberi markah.
- 1.4.3 Peserta boleh memulakan bacaan apabila lampu hijau dinyalakan. Masa akan dikira bermula dari peserta membaca isti'azah atau basmalah.
- 1.4.4 Loceng pertama akan dibunyikan satu kali pada minit keenam (6) seiring lampu kuning dinyalakan.
- 1.4.5 Loceng kedua akan dibunyikan dua kali pada minit kelapan (8) seiring lampu merah dinyalakan.

1.5 RIWAYAT DAN TARIQ BACAAN

- 1.5.1 Peserta dikehendaki membaca mengikut Riwayat Hafs Tariq al-Syatibi sahaja.

1.6 PENJURIAN

- 1.6.1 Tilawah al-Quran akan dijurikan berdasarkan 4 bahagian berikut:
 - a. Bahagian Tajwid : 35 markah
 - b. Bahagian Tarannum : 30 markah
 - c. Bahagian Fasahah : 20 markah
 - d. Bahagian Suara : 15 markah
- 1.6.2 Sekiranya berlaku persamaan markah, keputusan pemenang hendaklah dirujuk mengikut susunan berikut:
 - a. Bahagian Tajwid
 - b. Bahagian Tarannum
 - c. Bahagian Fasahah
 - d. Bahagian Suara
- 1.6.3 Jika masih lagi berlaku persamaan markah, maka juri perlu bersidang dan sebarang keputusan oleh jemaah juri adalah muktamad.

2.0 HAFAZAN AL-QURAN

2.1 PENGENALAN

2.1.1 Acara ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan murid menghafaz al-Quran dan menguasai bidang tajwid, fasahah serta suara dan gaya.

2.2 BILANGAN PESERTA

2.2.1 Bilangan peserta Hafazan al-Quran dihadkan bagi setiap kontinjen negeri adalah seperti berikut:

a. Sekolah rendah:

- Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan.

b. Sekolah menengah:

- Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan.

2.2.2 Jumlah semua peserta bagi setiap kontinjen negeri bagi acara Hafazan al-Quran ialah empat (4) orang.

2.3 PENGUNDIAN

2.3.1 Pengundian giliran akan dilaksanakan dalam tempoh satu minggu sebelum hari pertandingan.

2.3.2 Cabutan undian hendaklah dilakukan oleh ketua kontinjen atau wakilnya.

2.3.3 Sekiranya ketua kontinjen atau wakil tidak hadir pada masa yang ditetapkan, pengundian giliran akan dilakukan oleh urus setia pertandingan.

2.3.4 Cabutan undian set soalan hafazan hendaklah dilakukan di hadapan Juri Fatih di tempat pertandingan.

2.4 BENTUK UJIAN

2.4.1 Sekolah rendah:

- a. Semua peserta akan diuji dengan lima soalan dalam satu set soalan yang dipilih.
- b. Semua peserta diwajibkan membaca Surah al-Fatihah pada soalan pertama diikuti empat soalan berikutnya daripada Juzuk Amma.

- c. Peserta akan dinilai dalam aspek hafaz dan lancar, hukum tajwid, fasahah serta suara.

2.4.2 Sekolah menengah:

- a. Semua peserta akan diuji dengan lima soalan dalam satu set soalan yang dipilih.
- b. Semua peserta diwajibkan menjawab lima soalan daripada senarai surah hafazan yang ditetapkan.
- c. Peserta akan dinilai dalam aspek hafaz dan lancar, hukum tajwid, fasahah serta suara.

2.5 SURAH-SURAH HAFAZAN

- 2.5.1 Senarai surah hafazan sekolah rendah peringkat negeri dan kebangsaan:

BIL	SURAH	BIL	SURAH
01	النباء	14	الشمس
02	النازعات	15	الليل
03	عبس	16	الضحى
04	التكوير	17	الشرح
05	الانفطار	18	التين
06	المطففين	19	العلق
07	الانشقاق	20	القدر
08	البروج	21	البينة
09	الطارق	22	الزلزلة
10	الأعلى	23	العاديات
11	الغاشية	24	القارعة
12	الفجر	25	التكاثر
13	البلد	26	الفاتحة

2.5.2 Senarai surah hafazan sekolah menengah peringkat negeri dan kebangsaan :

BIL	SURAH	BIL	SURAH
01	السجدة	06	الجمعة
02	يس	07	الملك
03	الدخان	08	نوح
04	الواقعة	09	الإنسان
05	الصف		

2.6 PILIHAN AYAT

2.6.1 Senarai soalan-soalan hafazan sekolah rendah dan menengah adalah sulit.

2.6.2 Peserta dikehendaki memilih satu sampul yang menentukan set soalan kemudian menyerahkan sampul tersebut kepada Juri Fatih.

2.7 TEMPOH BACAAN

2.7.1 Tiada had masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan, namun Juri Fatih berhak menamatkan sesi ujian mana-mana peserta sekiranya peserta dilihat tidak lancar dalam bacaan serta mengambil masa terlalu lama untuk menjawab.

2.8 BENTUK BACAAN

2.8.1 Peserta dikehendaki menghafaz mengikut bacaan tadwir sahaja.

2.9 PENJURIAN

2.9.1 Hafazan al-Quran akan dijurikan berdasarkan 4 bahagian berikut:

- a. Bahagian Hafaz dan Lancar : 40 markah
- b. Bahagian Tajwid : 30 markah
- c. Bahagian Fasahah : 20 markah
- d. Bahagian Suara dan Gaya : 10 markah

- 2.9.3 Sekiranya berlaku persamaan markah, keputusan pemenang hendaklah dirujuk mengikut susunan berikut:
- a. Bahagian Hafaz dan Lancar
 - b. Bahagian Tajwid
 - c. Bahagian Fasahah
 - d. Bahagian Suara dan Gaya
- 2.9.4 Jika masih lagi berlaku persamaan markah, maka juri hendaklah bersidang. Sebarang keputusan yang diputuskan oleh jemaah juri adalah muktamad.

3.0 TAHFIZ AL-QURAN JUZUK 1 – 30

3.1 PENGENALAN

3.1.1 Acara ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan murid menghafaz al-Quran dan menguasai bidang tajwid, fasahah serta suara dan gaya.

3.2 BILANGAN PESERTA

3.2.1 Bilangan peserta Tahfiz al-Quran dihadkan bagi setiap kontinjen negeri adalah seperti berikut :

a. Acara Tahfiz al-Quran Juzuk 1 – 30 :

- Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan.

3.2.2 Jumlah semua peserta bagi setiap kontinjen negeri bagi acara Tahfiz al-Quran ialah dua (2) orang.

3.3 PENGUNDIAN

3.3.1 Pengundian giliran akan dilaksanakan dalam tempoh satu minggu sebelum hari pertandingan.

3.3.2 Cabutan undian hendaklah dilakukan oleh ketua kontinjen atau wakilnya.

3.3.3 Sekiranya ketua kontinjen atau wakilnya tidak hadir pada masa yang ditetapkan, pengundian giliran akan dilakukan oleh urus setia pertandingan.

3.3.4 Cabutan undian set soalan tahfiz hendaklah dilakukan di hadapan Juri Fatih di tempat pertandingan.

3.4 BENTUK UJIAN

3.4.1 Setiap peserta diuji bacaan al-Quran secara hafaz dengan lisan. Peserta dikehendaki membaca dengan lancar dengan mengambil kira hukum tajwid, fasahah dan suara.

3.4.2 Setiap peserta diwajibkan menjawab empat soalan dalam satu set soalan yang dipilih.

3.5 PILIHAN SET SOALAN

3.5.1 Peserta dikehendaki memilih satu sampul yang menentukan set soalan kemudian menyerahkan sampul tersebut kepada Juri Fatih.

3.6 TEMPOH BACAAN

3.6.1 Tiada had masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan, namun Juri Fatih berhak menamatkan sesi ujian mana-mana peserta sekiranya peserta dilihat tidak lancar dalam bacaan serta mengambil masa terlalu lama untuk menjawab.

3.7 BENTUK BACAAN

3.7.1 Peserta dikehendaki menghafaz mengikut bacaan tadwir sahaja.

3.8 PENJURIAN

3.8.1 Tahfiz al-Quran akan dijurikan berdasarkan 4 bahagian berikut :

- a. Bahagian Hafaz dan Lancar : 40 markah
- b. Bahagian Tajwid : 30 markah
- c. Bahagian Fasahah : 20 markah
- d. Bahagian Suara dan Gaya : 10 markah

3.8.2 Sekiranya berlaku persamaan markah, keputusan pemenang hendaklah dirujuk mengikut susunan berikut:

- a. Bahagian Hafaz dan Lancar
- b. Bahagian Tajwid
- c. Bahagian Fasahah
- d. Bahagian Suara dan Gaya

3.8.3 Jika masih lagi berlaku persamaan markah, maka juri hendaklah bersidang. Sebarang keputusan yang diputuskan oleh Jemaah Juri adalah muktamad.

4.0 NASYID

4.1 PENGENALAN

4.1.1 Acara ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan murid menguasai bidang seni suara selari dengan syariat.

4.2 BILANGAN PESERTA

4.2.1 Bilangan peserta kumpulan nasyid dianggotai oleh sekurang-kurangnya tujuh (7) orang dan tidak lebih daripada sembilan (9) orang peserta daripada satu jantina sahaja.

4.2.2 Setiap kumpulan dibenarkan terdiri daripada murid sekolah yang sama atau sekolah yang berbeza untuk mewakili negeri ke peringkat kebangsaan.

4.3 PAKAIAN

4.3.1 Pakaian peserta mestilah **menutup aurat dengan sempurna dan sopan;**

- a. Peserta lelaki memakai baju melayu cekak musang versi tradisional atau moden yang lengkap bersamping (cara pemakaian samping adalah mengikut kreativiti), bersongkok hitam dan berkasut hitam.
- b. Peserta perempuan memakai baju kurung kebangsaan berpesak dan bertudung yang sempurna serta berkasut hitam **(BATU HIASAN DAN MANIK PADA TUDUNG DAN BAJU TIDAK DIBENARKAN)**.
- c. Pemakaian sandal, capal dan selipar **TIDAK DIBENARKAN**.
- d. Hanya hiasan yang bersesuaian dengan pakaian kebangsaan sahaja yang dibenarkan. Pakaian, hiasan dan solekan boleh mempengaruhi pemarkahan. **HANYA TIGA (3) AKSESORI HIASAN SAHAJA DIBENARKAN**.
- e. Hiasan songkok terhad kepada satu kerongsang sahaja tanpa mengira saiz dan ukuran. Aksesori tambahan seperti lilitan, rantai, balong ayam dan seumpamanya tidak dibenarkan.
- f. Semua peserta dilarang mengenakan solekan yang keterlaluan.

4.4 MASA

- 4.4.1 Setiap kumpulan diberi masa **12 minit sahaja** untuk mempersembahkan kedua-dua buah lagu.
- 4.4.2 Masa dikira apabila peserta pertama naik ke pentas melepasi garisan yang ditetapkan hinggalah peserta terakhir turun dari pentas.
- 4.4.3 Masa keseluruhan persembahan hendaklah **tidak kurang** dari 10 minit.
- 4.4.4 **Pemotongan markah** berlaku sekiranya masa kurang atau lebih daripada yang telah ditetapkan.

4.5 PENYERTAAN CIPTAAN LAGU DAN LIRIK

- 4.5.1 Penyertaan ciptaan lagu dan lirik adalah terbuka kepada semua warga KPM **SAHAJA** yang masih berkhidmat. Borang Akuan Ciptaan (Borang 1) hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan sebagai bukti perkhidmatan.
- 4.5.2 Penyertaan penciptaan lagu dan lirik adalah secara individu.
- 4.5.3 Penggunaan ayat al-Quran dalam lagu dan lirik adalah **DILARANG** sama sekali bagi menghormati keagungan al-Quran.
- 4.5.4 KPM berhak menggunakan rakaman pertandingan nasyid ini untuk tujuan penyiaran atau penerbitan.
- 4.5.5 Setiap kumpulan hendaklah menghantar borang penyertaan dan dokumen sepertimana berikut:
 - a. Borang 1: Borang Akuan Pengubah Lagu/ Pencipta Lirik
 - b. Borang 2: Borang Penyertaan
 - c. Borang 3: Borang Akuan Peralatan/ Perkusi
 - d. Teks lirik sebanyak **4 SALINAN (DILARANG** menulis sebarang bentuk tulisan / gambar / logo yang menggambarkan identiti kumpulan).
- 4.5.6 Salinan lembut (softcopy) hendaklah diserahkan kepada urus setia BPI, KPM pada hari pengundian.
- 4.5.7 Semua dokumen hendaklah diserahkan kepada urus setia pada hari pendaftaran.

4.6 PENJURIAN DAN PEMARKAHAN

4.6.1 Penjurian dibahagikan kepada lima (5) bahagian iaitu:

- a. Suara : 35 markah
- b. Lagu : 20 markah
- c. Persembahan : 15 markah
- d. Muzik : 15 markah
- b. Lirik : 15 markah

4.7 SUARA

4.7.1 Markah suara yang diperuntukkan bagi setiap lagu ialah 35 markah.

Setiap lagu dinilai daripada aspek berikut:

- a. Ketepatan pic, nada dan frasa : 9 markah
- b. Keseimbangan/harmoni : 9 markah
- c. Dinamik : 6 markah
- d. Kualiti ton : 5 markah
- e. Kejelasan sebutan : 6 markah

4.7.2 Penghakiman suara adalah daripada aspek kualiti ton, ketepatan pic, nada, frasa, sebutan, dinamik, keseimbangan dan harmoni.

4.7.3 Penilaian suara bermula apabila peserta menyanyikan lagu pertama dan berakhir penilaian dengan tamatnya lagu kedua. Sebarang **intro dan outro lagu adalah dilarang**.

4.7.4 Lontaran teknik suara perlulah bersesuaian serta tidak keterlaluan/ melampau sehingga menghilangkan identiti dan konsep nasyid yang mempunyai nilai kesopanan dan wasatiyyah.

4.7.5 Penasyid solo yang mendominasi persembahan boleh menjejaskan aspek pemarkahan.

4.7.6 Penasyid solo terbaik dinilai oleh juri suara, lagu dan persembahan terhadap keupayaannya menyampaikan kedua-dua buah lagu.

4.7.7 *Beatbox* iaitu bunyi vokal yang melibatkan peniruan kesan bunyi drum mesin, *turntablism* atau alat muzik seumpamanya dengan menggunakan mulut, bibir, lidah dan suara **adalah dilarang**.

4.7.8 Pasukan yang melanggar syarat 4.5.3 boleh dipotong sehingga 3 markah maksimum.

4.8 PERSEMBAHAN

- 4.8.1 Markah diperuntukkan bagi keseluruhan persembahan ialah 15 markah. Setiap persembahan dinilai daripada aspek berikut:
- a. Ketepatan & kesesuaian gaya : 5 markah
 - b. Ekspresi : 3 markah
 - c. Pakaian : 3 markah
 - d. Etika : 2 markah
 - e. Bonus (keberkesanan persembahan) : 2 markah
- 4.8.2 Persembahan setiap kumpulan bermula daripada peserta pertama naik ke pentas hinggalah peserta terakhir turun dari pentas.
- 4.8.3 Pergerakan yang bersesuaian dengan lagu, lirik dan muzik yang disampaikan dan tidak keterlaluan dibenarkan manakala persembahan yang berunsur tarian dan mengganggu sensitiviti agama **TIDAK DIBENARKAN**. Pergerakan formasi dinilai sebagai kreativiti persembahan dengan mengambil kira aspek keseragaman.
- 4.8.4 Gaya persembahan bagi peserta perempuan perlu mengekalkan ciri-ciri kewanitaan dan mengelakkan gaya serta lenggok yang berlebihan manakala gaya persembahan peserta lelaki **DILARANG** cenderung ke arah ciri-ciri kewanitaan.
- 4.8.5 Setiap kumpulan **DILARANG** mempersembahkan unsur puisi, sajak, pentomen dan sebarang kesan bunyi alami menggunakan suara dan seumpamanya dalam persembahan.
- 4.8.6 Setiap kumpulan **DILARANG** memperkenalkan atau mempamerkan nama atau identiti kumpulan dalam bentuk tulisan atau percakapan kepada jemaah juri sebelum dan semasa pertandingan.

4.9 LAGU

- 4.9.1 Markah diperuntukkan bagi setiap lagu ialah 20 markah. Setiap lagu dinilai daripada aspek berikut:
- a. Keaslian melodi lagu (bukan saduran) : 4 markah
 - b. Irama masri / kontemporari : 6 markah
 - c. Struktur, bentuk dan kesinambungan : 5 markah
 - d. Alunan qasidah & Kreativiti : 3 markah
 - e. Bonus (Zauq) : 2 markah

- 4.9.2 Setiap kumpulan dikehendaki mempersembahkan **DUA** buah lagu.
- 4.9.3 Lagu pertama dan lagu kedua hendaklah ciptaan baharu.
- 4.9.4 Lagu dan lirik yang pernah dipersembahkan oleh mana-mana kumpulan atau individu yang telah mendapat tempat pertama, kedua, ketiga dan telah memenangi anugerah lagu terbaik dan lirik terbaik di peringkat kebangsaan anjuran KPM atau agensi luar **TIDAK** boleh dinyanyikan lagi oleh mana-mana pasukan.
- 4.9.5 Lagu yang menyerupai mana-mana lagu lain yang pernah diterbitkan atau disiarkan secara komersial melebihi **EMPAT BAR MELODI** dianggap sebagai lagu ciplak dan **tidak akan dinilai**.
- 4.9.6 **Lagu Pertama** hendaklah berbentuk **Nasyid Tradisional** yang mengandungi **unsur-unsur MASRI** seperti Tarannum Bayyati, Hijaz, Nahawand, Rast, Soba, Jiharkah, dan Sikah atau mengandungi **unsur-unsur HIJAZI** (Makkawi) seperti Banjakah, Hussaini, Mayyah, Rakbi dan Dukkah atau **unsur-unsur** berkaitan seperti Ajam dan Kurdi.
- 4.9.7 Alunan Qasidah adalah **WAJIB** untuk lagu pertama. Alunan Qasidah bebas diletakkan di mana-mana bahagian mengikut kesesuaian dan kreativiti ciptaan.
- 4.9.8 **Lagu Kedua** hendaklah berbentuk **Nasyid Kontemporari**. Unsur-unsur seperti rap, hip-hop, metal, rock adalah **dilarang** demi menjaga keaslian dan kemanisan nasyid. **Hanya RNB / SOUL** yang tidak keterlaluan dibenarkan.

4.10 MUZIK

- 4.10.1 Markah diperuntukkan bagi setiap muzik ialah 15 markah. Markah Muzik dinilai dan diberikan secara keseluruhan berpandukan aspek berikut:
- a. Susunan muzik : 4 markah
 - b. Kualiti ton : 3 markah
 - c. Ekspresi : 5 markah
 - d. Kesedapan bunyi : 3 markah
 - e. Bonus : 2 markah
- 4.10.2 Setiap persembahan hanya boleh diiringi dengan alat perkusi yang dibenarkan **SAHAJA** iaitu ***kompang, bongo, conga, darbuka, shaker, tamborine, drum stick (kayu pemukul), djembe, cabasa,***

cajon, maracas, riq, tar frame drum, rebana dan chime. Borang Akuan Peralatan (*Borang 3 - Borang Akuan Alatan/ Perkusi*) hendaklah dikemukakan kepada urus setia semasa pendaftaran.

- 4.10.3 Iringan muzik hendaklah dipersembahkan secara langsung (*live*).
- 4.10.4 Muzik iringan untuk lagu pertama hendaklah membantu menyerlahkan *mood* lagu tradisional dengan corak-corak ketukan seperti Malfuf, Maqsum, Saidi, Ayubi atau dikombinasikan dengan corak-corak ketukan lain yang bersesuaian.
- 4.10.5 Muzik iringan untuk lagu kedua bebas menggunakan apa-apa corak ketukan yang bersesuaian dengan lagu.
- 4.10.6 Susunan muzik yang kreatif dan menarik serta ton dan kesepaduan permainan akan dinilai.
- 4.10.7 Aksi pemain alat perkusi hendaklah bersesuaian dan tidak keterlaluan.
- 4.10.8 Penggunaan ***Pitch Pipe/ Melodian/ Rekorder*** oleh pemain perkusi bagi mendapatkan nada (*key*) lagu **adalah dibenarkan**. Pemain perkusi hanya boleh membunyikan satu (1) not dengan nilai semibrif (4 detik) **SATU KALI SAHAJA** sebelum permulaan bagi setiap lagu.

4.11 LIRIK

- 4.11.1 Markah diperuntukan bagi setiap lirik ialah 15 markah. Setiap lirik dinilai daripada aspek berikut:
 - a. Isi : 6 markah
 - b. Kejelasan mesej : 2 markah
 - c. Kesenambungan isi : 3 markah
 - d. Bahasa : 2 markah
 - e. Menepati tema / mengikut sukatan : 2 markah
- 4.11.2 Lirik kedua-dua buah lagu hendaklah **ciptaan baharu dan asli**. Ciptaan lirik baharu adalah **WAJIB** di semua peringkat pertandingan.
- 4.11.3 Lirik lagu pertama hendaklah menepati Tema MQNKSS.
- 4.11.4 Lirik lagu pertama **WAJIB** menggunakan Bahasa Melayu dan boleh menggunakan kata pinjaman bahasa Arab. Alunan Qasidah **WAJIB** dalam Bahasa Arab. Penggunaan zikir dan selawat adalah **DIBENARKAN** untuk kedua-dua lagu.

- 4.11.5 Lirik lagu kedua **DIBENARKAN** sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Arab sepenuhnya. Gabungan antara kedua-dua bahasa tersebut juga dibenarkan.
- 4.11.6 Lirik Bahasa Arab hendaklah disertakan terjemahannya secara bertulis. Lirik yang **TIDAK** disertakan terjemahan akan menjejaskan markah.
- 4.11.7 Lirik lagu kedua hendaklah berdasarkan butiran sebagaimana berikut:
- a. **Kategori Sekolah Rendah** hendaklah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR Semakan; Tahun 1 hingga Tahun 6.
 - b. **Kategori Sekolah Menengah** hendaklah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM Pendidikan Islam / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Usul al-Din / Al-Syariah / Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
- 4.11.8 Kedua-dua lirik lagu **TIDAK** boleh menyentuh isu-isu sensitif dan negatif.
- 4.11.9 Tema **TIDAK** semestinya menjadi tajuk lagu.

4.12 PENENTUAN KEPUTUSAN

- 4.12.1 Kumpulan yang mendapat markah tertinggi akan diumumkan sebagai Johan.
- 4.12.2 Sekiranya terdapat persamaan dari segi markah, penilaian akan dirujuk mengikut keutamaan berikut:
- a. Suara
 - b. Lagu
 - c. Lirik
 - d. Persembahan
 - e. Muzik
- 4.12.3 Sekiranya masih sama, Jemaah Juri akan bermuzakarah untuk membuat keputusan.
- 4.12.4 Keputusan juri adalah **MUKTAMAD**.

4.13 BANTAHAN PERTANDINGAN

- 4.13.1 Sebarang bentuk bantahan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada pengerusi jemaah juri menggunakan borang bantahan rasmi (**Borang 4**) yang disediakan.
- 4.13.2 Sebarang bantahan hendaklah disertakan dengan bukti dan saksi.
- 4.13.3 Sebarang bantahan hendaklah diterima oleh pengerusi jemaah juri sebelum Keputusan diumumkan. Bantahan yang diterima selepas **keputusan diumumkan tidak akan dilayan.**
- 4.13.4 Semua bantahan akan dibincangkan dalam mesyuarat Jemaah juri dan keputusan selepas mesyuarat adalah **MUKTAMAD.**

5.0 KHAT

5.1 PENGENALAN

5.1.1 Acara ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan murid menceburi bidang kesenian Islam iaitu kaedah penulisan khat.

5.2 BILANGAN PESERTA

5.2.1 Bilangan peserta Khat dihadkan bagi setiap kontinjen negeri adalah seperti berikut :

a. Sekolah Rendah:

- Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan.

b. Sekolah Menengah:

- Seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan.

5.3 TEKS SOALAN PERTANDINGAN

5.3.1 Jenis khat yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

a. Sekolah Rendah:

- Khat Nasakh
- Khat Riq'ah

b. Sekolah Menengah:

- Khat Thuluth
- Khat Nasakh
- Khat Riq'ah

5.3.2 Teks soalan pertandingan peringkat kebangsaan akan diberikan **dua minggu sebelum hari pertandingan**.

5.3.3 Teks untuk kategori sekolah rendah dan sekolah menengah peringkat kebangsaan adalah hadis berdasarkan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi dan kata-kata hikmah.

5.4 MASA

5.4.1 Setiap peserta diberi masa selama **3 jam sahaja**.

5.5 PERALATAN

- 5.5.1 Setiap peserta dikehendaki membawa peralatan penulisan khat sendiri termasuk dakwat dan pen. **Kertas disediakan oleh pihak penganjur.**
- 5.5.2 Peserta tidak dibenarkan meminjam sebarang peralatan daripada peserta lain semasa pertandingan.
- 5.5.3 Cadangan saiz mata pen khat:
- a. **Sekolah Rendah:**
 - Khat Nasakh : tidak melebihi 3 mm (3.0)
 - Khat Riq'ah : tidak melebihi 2 mm (2.0)
 - b. **Sekolah Menengah:**
 - Khat Thuluth : tidak melebihi 6 mm (6.0)
 - Khat Nasakh : tidak melebihi 3 mm (3.0)
 - Khat Riq'ah : tidak melebihi 3 mm (3.0)
- 5.5.4 Teks pertandingan khat hendaklah ditulis menggunakan dakwat. Penggunaan pensel sebagai tulisan adalah dilarang, namun pensel boleh digunakan sebagai lakaran.
- 5.5.5 Peserta hendaklah menggunakan dakwat hitam sahaja.
- 5.5.6 Warna-warna yang lain boleh digunakan untuk awan larat yang sederhana dan tidak menghilangkan tulisan khat (maksima tiga warna sahaja).
- 5.5.7 Semua bahan bantuan seperti buku rujukan, catatan lakaran siap, contoh zukhruf dan acuan corak tidak dibenarkan dibawa ke dalam dewan semasa pertandingan. (Jangka Lukis dan Pembaris dibenarkan).
- 5.5.8 Kertas surih (*tracing paper*) kosong sahaja dibenarkan – maksima 3 helai sahaja.
- 5.5.9 Penganjur hanya menyediakan kertas jenis *Art Card* 157 gsm atau yang bersesuaian bersaiz A3 untuk sekolah rendah dan sekolah menengah.

5.6 PENJURIAN DAN PEMARKAHAN

- 5.6.1 Penjurian dibahagikan kepada **lima** bahagian iaitu:
- a. Kaedah Penulisan : 60 markah
 - b. Keaslian Tulisan : 15 markah
 - c. Susunan dan Kreativiti : 15 markah
 - d. Hiasan dan Kekemasan : 10 markah

- 5.6.2 Kaedah Penulisan (60 markah) – Kaedah khat:
- a. Menepati kaedah khat yang ditetapkan
 - b. Kekuatan bentuk huruf
 - c. Sambungan huruf
- 5.6.3 Keaslian Tulisan (15 markah) – Ejaan (perkataan, huruf, titik dan baris):
- Pemotongan markah boleh berlaku jika;
- a. Tertinggal perkataan
 - b. Tertinggal dan ditambah huruf
 - c. Tertinggal dan ditambah titik
 - d. Tersilap baris
- 5.6.4 Susunan dan Kreativiti (15 markah):
- a. Reka bentuk karya
 - b. Susunan atur huruf
 - c. Keseragaman huruf dan kedudukan baris
 - d. Keseimbangan susunan karya
- 5.6.5 Hiasan dan Kekemasan (10 markah):
- a. Corak Hiasan (5 markah):
 - Motif zukhruf Islamiah (hiasan tepi) sahaja
 - Motif tumbuhan dan geometri digalakkan
 - b. Kebersihan Karya (5 markah):

Pemotongan markah boleh berlaku jika;

 - Kesan dakwat yang berlebihan
 - Kesan lakaran pensel
 - Kesan pembedulan
 - Kesan lipatan dan renyuk

5.7 PENENTUAN KEPUTUSAN

- 5.7.1 Peserta yang mendapat markah tertinggi akan diisytiharkan sebagai johan pertandingan. Seterusnya tempat kedua hingga kelima. Sekiranya berlaku persamaan markah, maka penentuan pemenang akan dirujuk kepada markah kaedah, seterusnya susunan. Sekiranya masih berlaku persamaan markah, jemaah juri akan bersidang untuk menentukan pemenang.

- 5.7.2 Karya yang telah dihantar menjadi hak milik penganjur. Pihak penganjur berhak menyunting, mencetak, menerbit dan menggunakan karya tersebut untuk sebarang bentuk tujuan.
- 5.7.3 Keputusan jemaah juri adalah **MUKTAMAD**.

DISEDIAKAN OLEH;

BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

اية تلاوة القرءان

مهرجان القرءان نشيد دان خط سكوله – سكوله (MQNKSS)

كمنترين فنديديقن فريغكت كبغساءن تاهون 2026

كاتكوري سكوله رنده (للاكي)

بيلغن	جزء	سورة	اية	هلامن	فرمولاءن اية
1	1	البقرة	83	12	وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَعَاتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنْتُمْ مُعْرِضُونَ ﴿٨٣﴾
2	3	البقرة	263	44	﴿ قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّنْ صَدَقَةٍ يَتْبَعُهَا أَدَىٰ وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ ﴾ ﴿٢٦٣﴾
3	3	آل عمران	33	54	﴿ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ آدَمَ وَنُوحًا وَعِيسَىٰ ابْنِ مَرْيَمَ عَمْرَنَ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴾ ﴿٣٣﴾
4	6	المائدة	27	112	﴿ وَأَتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتَقَبَّلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَّلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ ۗ قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ ﴾ ﴿٢٧﴾
5	8	الأعراف	31	154	﴿ يَبْنَئِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴾ ﴿٣١﴾
6	15	الإسراء	9	283	﴿ إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴾ ﴿٩﴾

اية تلاوة القرءان

مهرجان القرءان نشيد دان خط سكوله - سكوله (MQNKSS)

كمنترين فنديديقن فريغكت كبغساءن تاهون 2026

كاتكوري سكوله رنده (فرمقوان)

فرمولاءن اية	هلامن	اية	سورة	جزء	بيلغن
﴿وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۗ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ۗ قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِي ۗ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿١٢٤﴾﴾	19	124	البقرة	1	1
﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾﴾	28	183	البقرة	2	2
﴿وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾﴾	67	133	آل عمران	4	3
﴿لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوِّءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَن ظَلِمَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ﴿١٤٨﴾﴾	102	148	النساء	6	4
﴿وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا قَالَ يَقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَهِ غَيْرُهُ ۗ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٦٥﴾﴾	158	65	الأعراف	8	5
﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾﴾	277	90	النحل	14	6

اية تلاوة القرءان

مهرجان القرءان نشيد دان خط سكوله - سكوله (MQNKSS)

كمنترين فنديديقن فريغكت كبغساءن تاهون 2026

كاتكوري سكوله منغه (للاكي)

بيلغن	جزء	سورة	اية	هلامن	فرمولاءن اية
1	1	البقرة	30	6	وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾
2	3	آل عمران	1	50	الْم ﴿١﴾ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿٢﴾
3	22	فاطر	15	436	﴿١٥﴾ يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ﴿١٥﴾
4	15	الإسراء	23	284	﴿٢٣﴾ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾
5	21	لقمان	12	412	وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنِ اشْكُرْ لِلَّهِ وَمَنْ يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ۗ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿١٢﴾
6	22	يس	13	441	وَأَضْرِبْ لَهُمْ مَثَلًا أَصْحَابَ الْقَرْيَةِ إِذْ جَاءَهَا الْمُرْسَلُونَ ﴿١٣﴾

اية تلاوة القرءان

مهرجان القرءان نشيد دان خط سكوله - سكوله (MQNKSS)

كمنترين فنديديقن فريغكت كبغساءن تاهون 2026

كاتكوري سكوله منغه (فرمفوان)

فرمولاءن اية	هلامن	اية	سورة	جزء	بيلغن
﴿أَفَتَطْمَعُونَ أَنْ يُؤْمِنُوا لَكُمْ وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَسْمَعُونَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُ مِنْ بَعْدِ مَا عَقَلُوهُ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾﴾	11	75	البقرة	1	1
﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾﴾	87	58	النساء	5	2
﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَاعِلِ الْمَلَكِةِ رُسُلًا أُولَىٰ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبْعًا يَزِيدُ فِي الْخَلْقِ مَا يَشَاءُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾﴾	434	1	فاطر	22	3
﴿قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾﴾	464	53	الزمر	24	4
﴿عَسَىٰ اللَّهُ أَنْ يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ الَّذِينَ عَادَيْتُمْ مِنْهُمْ مَوْدَّةً وَاللَّهُ قَدِيرٌ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾﴾	550	7	المتحنة	28	5
﴿وَقَالَ أَرَأَيْتُمْ فِيهَا بِسْمِ اللَّهِ جَبْرُهَا وَمُرْسَاهَا ۗ إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٤١﴾﴾	226	41	هود	12	6